

# GHAFAR TETAP TPM KALAU PUN GAGAL - PM

MM 5 APR 1987

*Renungan*

DUA suara yang dikutuk Allah di dunia dan di akhirat, iaitu bernyanyi - nyanyi ketika mendapat nikmat dan menjerit - jerit ketika mendapat musibat. — Maksud hadis riwayat Al-Bazar.

**KUALA LUMPUR 4 April** — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, **Encik Ghafar Baba akan terus dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri walaupun tokoh veteran UMNO itu gagal merebut jawatan Timbalan Presiden pada 24 April ini.**

“Seseorang yang menjadi Timbalan Presiden hendaklah orang yang boleh bekerjasama dengan Perdana Menteri dan tidak ada halangan bagi orang yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam parti dilantik memegang jawatan dalam kerajaan,” katanya.

Bagaimanapun Presiden UMNO itu yakin Encik Ghafar akan memenangi jawatan Timbalan Presiden yang kini disandang oleh Datuk Musa berdasarkan jumlah pencalonan yang diterima oleh Timbalan Perdana Menteri itu.

“Para anggota perwakilan tentu memilihi beliau dan memberi kepercayaan kepada Encik Ghafar. Keputusan Encik Ghafar untuk bertanding adalah wajar kerana tradisi parti seorang Timbalan Presiden adalah juga Timbalan Perdana Menteri,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa bercakap kepada para pemberita selepas melancarkan Hari Kesedaran Sivik Kebangsaan di pekarangan Angkasapuri di sini pagi ini.

Encik Ghafar semalam telah mengumumkan kesediaannya untuk bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden menentang Datuk Musa Hitam bagi mengekalkan tradisi parti serta untuk mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Menurut Perdana Menteri, kriteria pemilihan Timbalan Perdana Menteri adalah orang yang sanggup bekerjasama dengan Perdana Menteri dan tidak timbul persoalan sama ada Ghafar menang atau kalah.

Beliau menegaskan ada orang yang tidak

**Oleh  
Hassan Mohd. Noor**

memegang jawatan dalam parti tetapi diberi kepercayaan untuk memegang sesuatu jawatan dalam kerajaan.

Ditanya sama ada Encik Ghafar telah berunding dengan beliau terlebih dahulu untuk merebut jawatan tersebut, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak perlu dibincangkan kerana sebelum ini pun beliau telah memberi sokongan terbuka kepada Encik Ghafar.

“Saya menaruh kepercayaan kepada Encik Ghafar, sebab itu saya memilih beliau dan menyatakan sokongan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, banyak bahagian telah mencalonkan Encik Ghafar untuk merebut jawatan tersebut. Encik Ghafar menerima 74 pencalonan manakala Datuk Musa pula mendapat 50 pencalonan untuk mempertahankan jawatannya.

Mengenai kedudukan beliau sebagai Presiden, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: “Saya yakin saya akan ditentang,” sambil bertanya kepada para pemberita: “Apakah ia (perebutan jawatan Presiden) masih belum jelas?”

Setakat ini, belum ada keputusan rasmi siapa yang akan mencabar Datuk Sri Dr. Mahathir tetapi Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah dijangka menentang beliau.

Ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden UMNO Datuk Musa Hitam yang mengatakan ekonomi negara semakin merosot beliau berkata: “Pihak berkenaan perlu memberi maklumat yang jelas dan nyata.”

Beliau juga berkata, orang boleh bercakap apa saja yang mereka mahu cakapkan tetapi hendaklah memberi maklumat yang jelas.

Menjawab kritikan sesetengah pihak mengenai kereta Proton Saga, Perdana Menteri berkata: “Nyatakan kepada saya sebuah syarikat kereta yang boleh mendapat keuntungan dalam tempoh lima tahun selepas operasinya dan nyatakan dengan data serta perangkaannya berbanding dengan pengeluaran Proton Saga.”

Menurut beliau, semuanya itu boleh dibuktikan dan ini dapat dilihat melalui rekod dan perangkaan untuk membuktikan siapa yang benar.